

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB SENATOR PUAN HAJAH SABANI
BINTI MAT
TARIKH : 16 DISEMBER 2019 (ISNIN)**

Puan Hajah Sabani binti Mat minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah yang dilakukan oleh pihak Kementerian dalam memberikan pendedahan awal kepada ibu bapa, guru, dan masyarakat tentang bagaimana untuk membendung daripada berlakunya jenayah seksual terhadap kanak-kanak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memandang serius kes penderaan seksual terhadap kanak-kanak. Justeru, Kementerian telah melaksanakan beberapa program bagi tujuan memberikan pendedahan awal kepada ibu bapa, guru, dan masyarakat dalam membendung daripada berlakunya jenayah tersebut.

Initiatif baharu yang dilaksanakan oleh Kementerian bagi memberi pendedahan awal kepada ibu bapa, guru, dan masyarakat mengenai isu penderaan seksual kanak-kanak adalah seperti berikut:

- Kerjasama dengan Google Malaysia bagi menayangkan lima (5) buah video pendidikan seksual mengenai sentuhan selamat dan sentuhan tidak selamat di YouTube (*Safe Touch and Bad Touch*). Statistik video di YouTube pada 21 Jun 2019 hingga 4 Oktober 2019 adalah sebanyak 2.79 juta views dan sebanyak 6.25 juta Impression. Manakala dari segi *view rate* adalah sebanyak 43% serta sebanyak 67,000 *clicks, share* dan *likes*;
- Sistem Semakan Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak dalam Daftar Kanak-Kanak. Mengikut statistik pada 1 April 2019 hingga 30 November 2019, sebanyak 155 permohonan daripada individu dan pelbagai agensi terutamanya yang berkaitan dengan penjagaan dan pendidikan kanak-kanak dengan sejumlah 2,897 orang kakitangan sedia ada dan bakal pekerja telah dibuat saringan; dan
- Menyediakan dan menyebarkan Senarai Semak / Panduan (Infografik) kepada ibu bapa dan penjaga supaya dapat memilih

pengasuh sesuai demi keselamatan penjagaan bayi atau kanak-kanak serta mengenali tanda-tanda penderaan.

Selain itu, program-program sedia ada yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian bagi menangani isu penderaan kanak-kanak khususnya penderaan seksual kanak-kanak seperti berikut:

- Inisiatif oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) iaitu melalui Pusat Remaja KafeTEEN. Seramai 184,281 remaja telah mendaftar sebagai ahli sahabat KafeTEEN bagi tempoh 2006 hingga November 2019. Daripada jumlah ahli sahabat KafeTEEN tersebut, seramai 34,994 remaja telah mendapat perkhidmatan kesihatan reproduktif dan 13,577 remaja mendapat kaunseling sosial. Sebanyak 664,850 remaja pula telah mengikuti program pendidikan dan pembangunan kemahiran;
- Melaksanakan Modul Pendidikan Keselamatan Keluarga dan Anak (PEKA) oleh LPPKN sejak tahun 2017. Fokus utama Modul PEKA adalah untuk memastikan aspek keselamatan anak-anak menjadi tanggungjawab bersama bukan sahaja ibu bapa, penjaga tetapi juga ahli masyarakat terutama berkaitan dengan pindaan Akta Kanak-Kanak 2016. Pendidikan mengenai keselamatan siber turut terkandung dalam modul ini di mana ibu bapa dan penjaga dibekalkan dengan pengetahuan untuk bersama anak-anak semasa menggunakan internet. Pelaksanaan program PEKA ini melibatkan ibu bapa di peringkat komuniti, melalui mekanisme pelaksanaan secara perkongsian bijak. Sehingga 2019 seramai 502 fasilitator Modul PEKA telah dilatih untuk turun ke masyarakat yang terdiri daripada agensi kerajaan, pemimpin komuniti, guru tadika dan badan bukan kerajaan. Sebanyak 249 program telah

dilaksanakan bagi tempoh 2017-2019 dan melibatkan 6322 peserta dikalangan ibu bapa telah hadir;

- Kementerian melalui JKM turut mengadakan program Keselamatan Kanak-Kanak SAHABAT B.I.J.A.K: Selamat dan Lindung (*Safe and Protect*) yang menekankan keselamatan dan perlindungan kanak-kanak termasuk daripada perlakuan jenayah seksual. Program ini dilaksanakan melalui kerjasama pelbagai agensi yang merupakan rakan strategik program serta beberapa NGO dengan melibatkan kehadiran pelajar sekolah rendah, sekolah menengah, ibu bapa, guru-guru, PIBG dan komuniti setempat. Ianya bertujuan memastikan semua peringkat masyarakat khususnya ibu bapa memberi keutamaan kepada keselamatan kanak-kanak. Bermula tahun 2014 hingga kini, sejumlah 96,512 peserta daripada 411 sekolah yang telah menghadiri program ini; dan
- Menguar-uarkan serta memperluaskan liputan perkhidmatan Talian Kasih 15999 supaya kanak-kanak serta orang ramai dapat menggunakan perkhidmatan disediakan bagi membuat pertanyaan mengenai perkhidmatan agensi di bawah kementerian ini atau agensi lain, aduan, laporan penderaan, perkhidmatan kaunseling atau perkhidmatan sokongan sosial yang lain. Mengikut statistik pada Mei 2015 hingga 30 November 2019, jumlah panggilan ke Talian Kasih adalah 85,948 panggilan. Daripada jumlah tersebut, kategori kes panggilan tertinggi bagi tempoh tersebut bagi agensi di bawah KPWKM ialah kes penderaan kanak (4,900 kes), diikuti oleh keganasan rumah tangga (3,169 kes), status permohonan bantuan (1,697 kes) dan pertanyaan reproduksi manusia (1,017 kes).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR TUAN MANOLAN BIN
MOHAMAD
TARIKH : 16 DISEMBER 2019 (ISNIN)

Tuan Manolan Bin Mohamad minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah program-program yang dijalankan bersama wanita-wanita Orang Asli untuk pembangunan keluarga dan komuniti mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa prihatin merancang dan melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memastikan Orang Asli tidak dipinggirkan dan mendapat manfaat daripada agenda pembangunan nasional. Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) bertanggungjawab memastikan masyarakat Orang Asli termasuk wanita mendapat peluang dan bantuan sokongan dari aspek pembangunan kapasiti mereka bagi membolehkan mereka menjadi ahli masyarakat yang mampu menjana ekonomi dan berdaya saing.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) turut menyokong usaha JAKOA dengan bekerjasama melaksanakan pelbagai program dan aktiviti bagi membantu mendaya upaya dan memperkasa wanita Orang Asli melalui Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN). PPWN berkolaborasi dengan JAKOA dan pelbagai pihak untuk melaksanakan program serta aktiviti yang bersesuaian dengan keperluan untuk pembangunan wanita Orang Asli.

Antara program yang dilaksanakan melalui PPWN Pahang ialah Program PACBE iaitu program pembangunan kapasiti bersama wanita Orang Asli. Pada bulan Ogos 2019, PPWN Pahang telah mengadakan program Pengurusan Rumah Tangga di Kg. Kuala Tahan, Jerantut yang dihadiri seramai 130 orang dan pada bulan September 2019 seramai 73 orang wanita Orang Asli telah menghadiri program Seni Kraftangan di Cameron Highlands.

Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) juga turut berkolaborasi dengan JAKOA untuk melaksanakan aktiviti khusus untuk wanita Orang Asli bagi pembangunan keluarga dan komuniti mereka. Program yang telah dilaksanakan adalah seperti Program Kemahiran Literasi (3M) dan Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK). PLKK berkonsepkan pemberian latihan kemahiran dan penempatan kerjaya yang berpendapatan selepas selesai menjalani kursus tersebut. Seramai 223 orang beliawanis Orang Asli telah mengikuti lapan kursus yang ditawarkan seperti Kursus Estetik, Kursus Dandan Rambut, Kursus Manik Sulaman, Kursus Pembantu Operasi di Lapangan Terbang, Kursus Perhotelan, dan lain-lain lagi.

Selain itu, pada tahun 2019 seramai 571 orang beliawanis / wanita Orang Asli terlibat secara langsung dalam perancangan dan pelaksanaan aktiviti pembangunan komuniti dan kampung Orang Asli melalui platform Majlis Pengurusan Komuniti Kampung Orang Asli (MPKK OA). Program ini diharapkan dapat memberi impak positif kepada wanita Orang Asli, khususnya, dan keluarga, amnya, di mana mereka boleh menggunakan kemahiran untuk membantu menjana pendapatan keluarga dan komuniti.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR PUAN RAJ MUNNI BINTI
SABU
TARIKH : 16 DISEMBER 2019 (ISNIN)

Puan Raj Munnii Binti Sabu minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah-langkah proaktif yang boleh diambil oleh Kerajaan bagi menghadapi status Malaysia sebagai negara tua menjelang tahun 2030.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan kesejahteraan warga emas menjelang tahun 2030 dan tahun seterusnya, Kementerian dalam perancangan untuk menyediakan hala tuju bagi persediaan Malaysia ke arah negara tua pada 2030 dari segi penilaian semula Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara sedia ada. Pembangunan hala tuju ini amat penting dalam merangka strategi, program dan tindakan yang perlu bagi memastikan keperluan sebenar warga emas dapat dipenuhi menjelang 2030. Beberapa langkah proaktif telah diambil oleh Kementerian pada masa ini.

Kementerian sedang melaksanakan Kajian Diagnostik Bagi Membentuk Model Penjagaan Warga Emas Jangka Masa Panjang Yang Bersepadu dan Mapan di Malaysia yang dijangka selesai pada penghujung tahun 2020. Hasil yang dijangkakan adalah pembentukan model pembiayaan serta model penjagaan yang bersepadu serta pelan tindakan pelaksanaan penjagaan jangka masa panjang. Kajian ini akan mengambil kira keperluan jagaan kesihatan dan sosial di institusi serta di komuniti.

Kementerian juga sedang melaksanakan Kajian Kandungan, Pendekatan dan Skop Bagi Pewujudan Satu Akta Khusus Untuk Warga Emas di Malaysia memandangkan sehingga kini Malaysia masih belum mempunyai akta khusus untuk kumpulan sasar ini. Hasil utama kajian ini adalah penggubalan satu akta khusus bagi warga emas, yang dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada tahun 2021, yang menumpukan

kepada mempertingkatkan perlindungan dan hak asasi warga emas di Malaysia.

Kementerian juga berkolaborasi dengan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) dan *United Nations Development Programme* (UNDP) untuk melaksanakan projek daerah mesra warga emas atau dengan izin *age-friendly city* melalui projek rintis di Taiping, Perak di mana YAB Timbalan Perdana Menteri telah melancarkan pelaksanaan projek rintis ini pada 30 Oktober 2019. Projek rintis selama dua (2) tahun ini akan dijalankan berdasarkan panduan *age-friendly city* daripada *World Health Organisation* (WHO). Satu kerangka kerja bagi pewujudan daerah mesra warga emas ini akan dihasilkan yang mana boleh diguna pakai oleh pihak berkuasa tempatan lain kelak.

Selain daripada perancangan baharu yang dinyatakan ini, inisiatif sedia ada Kementerian tetap dilaksanakan dan ditambah baik seperti pemberian Bantuan Orang Tua (BOT) sebanyak RM350 sebulan seorang kepada golongan warga emas yang layak, pelepasan cukai kepada anak-anak untuk penjagaan dan rawatan perubatan ibu dan bapa, inisiatif Program Khidmat Bantu Rumah (*Home Help*), penambahan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) dan Program Intergenerasi untuk menggalakkan penjagaan berasaskan komuniti. Semua inisiatif ini juga mengarah kepada alternatif terhadap jaringan keselamatan sosial khusus untuk warga emas pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ingin menegaskan bahawa isu penuaan merupakan isu sejagat yang merupakan tanggungjawab bersama semua pihak. Walaupun langkah proaktif telah diambil oleh Kementerian dalam usaha merancang keperluan perkhidmatan Kerajaan untuk warga emas pada masa akan datang namun, pelaksanaannya memerlukan komitmen dan kolaborasi di peringkat Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), pihak swasta, ahli akademik, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), komuniti, keluarga dan warga emas sendiri. Kementerian akan terus komited dan mengalu-alukan kerjasama semua pihak termasuk Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Negara sekalian untuk bekerjasama dengan Kementerian dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dalam memberikan sokongan terhadap semua inisiatif yang dilaksanakan untuk golongan warga emas.

Sekian, terima kasih.